



UTHM

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia

UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

PEPERIKSAAN AKHIR SEMESTER I SESI 2014/2015

NAMA KURSUS	:	TEKNOLOGI JAHITAN DAN SENI REKA FESYEN
KOD KURSUS	:	BBL 30903
KOD PROGRAM	:	BBV
TARIKH PEPERIKSAAN	:	DISEMBER 2014/JANUARI 2015
JANGKA MASA	:	2 JAM 30 MINIT
ARAHAN	:	<ol style="list-style-type: none">1) JAWAB SEMUA SOALAN Di BAHAGIAN A DAN B SERTA MANA-MANA DUA(2) SOALAN DI BAHAGIAN C2) JAWAB BAHAGIAN A DI BORANG JAWAPAN YANG DISERTAKAN DAN BAHAGIAN B HENDAKLAH DIJAWAB DALAM KERTAS SOALANINI. MANAKALA JAWAPAN BAHAGIAN C HENDAKLAH MENGGUNAKAN BUKU SKRIP JAWAPAN YANG DISEDIAKAN.3) KERTAS SOALAN HENDAKLAH DISERAHKAN BERSAMA BUKU SKRIP JAWAPAN ANDA PADA AKHIR PEPERIKSAAN.

KERTAS SOALANINI MENGANDUNG 16 MUKA SURAT



UNIVERSITI TUN HUSSEIN ONN MALAYSIA

SARJANA MUDA PENDIDIKAN (SEKOLAH MENENGAH) DENGAN KEPUJIAN

REKA BENTUK PAKAIAN

NO. KOD : BBL 30903 TARIKH : JANUARI 2015

NO. MATRIK : _____ MASA : 2 Jam 30 minit

NO. KAD PENGENALAN : _____

KERTAS SARANAN JAWAPAN BAHAGIAN A

ARAHAH KEPADA CALON :

Bulatkan huruf-huruf di bawah yang bertepatan dengan saranan jawapan yang difikirkan paling tepat pada soalan yang dikemukakan.


- | | |
|-------------|-------------|
| 1. A B C D | 11. A B C D |
| 2. A B C D | 12. A B C D |
| 3. A B C D | 13. A B C D |
| 4. A B C D | 14. A B C D |
| 5. A B C D | 15. A B C D |
| 6. A B C D | 16. A B C D |
| 7. A B C D | 17. A B C D |
| 8. A B C D | 18. A B C D |
| 9. A B C D | 19. A B C D |
| 10. A B C D | 20. A B C D |

BAHAGIAN A (20 MARKAH)

S1 Berapa panjangkah gunting yang sesuai digunakan untuk jahitan/menggunting fabrik?

- A 20 cm hingga 25 cm.
- B 25 cm hingga 30 cm.
- C 15 cm hingga 20 cm.
- D 18 cm hingga 20 cm.

S2 Di antara gambar dalam **Rajah 1** di bawah yang manakah **tidak** perlu ada di dalam kotak jahitan?

**Rajah 1**


S3 Mulakan jahitan jelujur serong atau tegak dengan jahitan kia dari kanan ke kiri dan dari atas ke bawah.

Apakah fungsi jahitan jelujur serong atau tegak?

- A Menanda garisan lurus.
- B Sebagai jahitan perhiasan.
- C Menanda garisan melengkung.
- D Menetapkan dua atau lebih garisan fabrik.

- S4** Jahitan pengemas adalah jahitan kekal. Ia digunakan untuk menetapkan kelepat, lipatan atau mengemaskan tepi kain.


Apakah nama jenis jahitan pengemas di bawah?



Rajah 2

- A Jahitan lilit ubi.
- B Jahitan lilit kemas.
- C Jahitan insang pari.
- D Jahitan silang pangkah.

- S5** Rajah 3, menunjukkan kelim belah kangkung. Susunkan langkah-langkah yang betul untuk menyediakan kelim tersebut



Rajah 3 Kelim Belah Kangkung

- I. Cabut peniti dan jahit mesin di atas garisan pemadan.
 - II. Temukan fabrik dengan sebelah luar berhadapan, semat dan jelujur
 - III. Buka kelim dan tekan dengan seterika di sebelah luar dan dalam kelim
 - IV. Cabut benang jelujur dan kemaskan tepi kelim dengan jahitan yang sesuai
- A. I, II, III dan IV
 - B. II, III, IV dan I
 - C. II, I, IV dan III
 - D. II, I, III dan IV

S6 Kelim ialah satu cara menyambungkan dua atau lebih kepingan fabrik. Kelim Betawi adalah salah satu jenis kelim yang telah anda pelajari.

Lebar kelim belah betawi yang telah siap ialah:


- A 3 mm atau kurang dari 3 mm
- B 6 mm atau kurang dari 6 mm
- C 2 cm atau kurang dari 2 cm
- D 2.cm atau kurang dari 2.5 cm

S7 Belah ialah satu proses jahitan yang terdapat dipakaian dan artikel. Belah boleh dibuat di garis leher, pinggang, di rusuk dan di lengan mengikut fesyen sesuatu pakaian itu. Panjangnya mestilah sesuai dengan pakaian yang dijahit.

Mengapa kita perlukan belah pada pakaian?

- A. Supaya mengetatkan pakaian.
- B. Supaya menambahkan proses jahit menjahit.
- C. Supaya pakaian senang dipakai dan dilucutkan
- D. Untuk menghilangkan gelembung pada pakaian.

S8



Rajah 4

Kancing yang paling sesuai dipadankan dengan pakaian dalam **Rajah 4**, ialah

- A. zip
- B. rulo
- C. butang dan rumah butang
- D. butang dan lubang butang bersirat

S9 Penghilangan gelembung adalah cara-cara untuk mengawal fabrik yang berlebihan pada pakaian supaya iaanya padan dengan si pemakai.

Antara cara-cara menghilangkan gelembung berikut, yang manakah bukan perhiasan?

- A Smoking
- B Lisu Terbalik
- C Lisu pemandan
- D Lisu-lisu Beriring.

S10 Lengan ialah tambahan pakaian dari lubang lengan. Ia boleh jadi sepotong fabrik yang dicantumkan ke lubang lengan atau pun tambahan daripada badan.


Mengapa kepala lengan mesti dibuat beberapa kedut?

- A Untuk selesa dipakai.
- B Untuk memberi bentuk yang elok
- C Untuk memadankan dengan lengan dengan lubang lengan.
- D Untuk memberi bentuk,stail dan fesyen pada pakaian yang dijahit.

S11 Berapa banyak lipatan dibuat untuk kelepet?

- A Tiga
- B Satu
- C Dua
- D Empat

- S12** Rajah 6, menunjukkan garis leher blaus wanita. Di antara berikut yang manakah paling sesuai digunakan untuk menyudahkan/mengemaskan garis leher tersebut?

**Rajah 6**

- A. Kun
- B. Serung tepat
- C. Kun berbentuk
- D. Lapik berbentuk

- S13**

**Rajah 7**

Kemajuan teknologi dapat menyalurkan maklumat tentang perkembangan fesyen dalam serta luar negara dan seterusnya memberi pengetahuan dan kemahiran dalam pembuatan fabrik.

Merujuk **Rajah 7**, pakaian yang dipakai oleh wanita rakyat negara kita telah dipengaruhi oleh faktor

- A sosial.
- B agama.
- C geografi.
- D kemajuan teknologi.

- S14 Manakah pernyataan berikut merupakan kriteria pakaian yang **sesuai** untuk individu bertubuh gemuk dan tinggi?
- A Stail pakaian berkedut.
 - B Stail pakaian yang berbunga besar.
 - C Stail pakaian yang bercorak melintang.
 - D Stail pakaian yang bercorak kecil dan jalur menegak..
- S15 Prinsip seni reka menggariskan beberapa panduan untuk menghasilkan rekaan yang seimbang. Warna merupakan elemen yang penting dalam mereka sesuatu jenis pakaian. Warna cerah, panas atau warna yang berlainan akan memperlihatkan si pemakai kelihatan _____
- A lebih besar
 - B lebih kurus.
 - C lebih menarik.
 - D lebih cantik dan kemas.
- S16 Pakaian yang mempunyai penggunaan elemen seperti garisan, corak, warna dan ruang berulang-ulang atau lebih dari sekali di tempat yang tidak sama dikenali sebagai.
- A perkadaran
 - B penumpuan
 - C pengulangan
 - D keseimbangan
- S17 Melakar pakaian adalah salah satu proses dalam menjahit pakaian.
Apakah tujuan melakar pakaian?
- A Menunjukkan gambar pakaian.
 - B Menunjukkan ciri dan stail pakaian.
 - C Alatan dan bahan yang akan digunakan.
 - D Memberikan gambaran pakaian yang akan dihasilkan.

S 18




Rajah 8

Rajah 8 menunjukkan cara mengambil ukuran badan di bahagian

- A. keliling dada
- B. keliling punggung
- C. keliling pinggang
- D. keliling bawah breast

S19 Tanda pola yang ditunjukkan dalam Rajah 9, menunjukkan tanda



Rajah 9

- A. lipatan
- B. lisu pemadan
- C. garisan pemadan
- D. garisanimbangan

S20 Apakah tujuan menseterika dan menekan tiap-tiap proses jahitan yang siap semasa menjahit pakaian?

- A Mengelakkan pakaian disemat dan dijelujur
- B Membolehkan jahitan mesin kelihatan kemas
- C Mengelakkan pakaian daripada menjadi kecut.
- D Menghasilkan pakaian siap dengan kemas dan cantik.

BAHAGIAN B
(40 Markah)

S1 Jahitan asas juga lebih dikenali dengan jahitan tangan kerana kebanyakan jahitan ini di jahit dengan menggunakan tangan. Terdapat empat jenis jahitan asas iaitu jahitan sementara, jahitan pengemas, jahitan penyambung dan jahitan sulaman.

(a) Senaraikan **empat** jenis jahitan penyambung.

i. _____

ii. _____

iii. _____

iv. _____

(4 markah)

(b) Jahitan sulaman adalah salah satu jenis jahitan asas. Lukiskan jahitan sulaman asas dalam kotak di bawah:-

Jahitan Silang Pangkah	Jahitan Suji bilang
Jahitan Batang(Stem Stich)	Jahitan Insang Pari

(6 markah)

S2 (a) Berikan **dua** kebaikan dan **dua** kelemahan kelim betawi.

Bil	Kebaikan	Kelemahan
1.		
2.		

(4 markah)

(b) Berikan **Empat** stail pakaian yang sesuai bagi bentuk badan tinggi dan gemuk/besar

(i) _____

(ii) _____

(iii) _____

(iv) _____

(6 markah)

S3 Pelbagai pakaian wanita direka supaya menyerlahkan bentuk badan agar kelihatan lebih anggun. Penghilangan gelembung adalah salah satu proses jahitan yang terdapat pada pakaian tersebut.


- (a) Nyatakan **empat** penghilangan gelembung yang sesuai digunakan untuk menjahit pakaian wanita

- i. _____
ii. _____
iii. _____
iv. _____


[4 markah]

- (b) Lukiskan gambar rajah penghilangan gelembung dalam kotak di bawah pada ruangan yang disediakan:-


i Lisu Terbalik




ii Lisu Bertentang




iii Lisu pemandan cekung




iv Lisu pemandan cembung



v Lisu Beriring



vi Kedut lepas



[6markah]

- S4 (a) Pola digunakan untuk mereka bentuk pakaian. Susun atur pola di atas fabrik menentukan ira dan corak yang betul serta menarik. Berpandukan pola blaus, lukiskan susun atur pola tersebut dengan kedudukan dan tanda-tanda yang betul di atas fabrik yang disediakan.

KEPINGAN FABRIK

[5 markah]

(b) Senaraikan **lima** peraturan semasa menggunting fabrik.

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____
- iv. _____
- v. _____

(5 markah)

**BAHAGIAN C
(40 Markah)**

Jawab **dua** soalan sahaja.

- S1** Elemen asas seni reka adalah corak, warna, tekstur fabrik, garisan, ruang dan bentuk. Gabungan elemen yang tepat dan bijak dapat menghasilkan suatu rekaan yang sangat menarik dan berkesan.

Cadangkan fesyen sehelai pakaian seorang wanita yang bentuk fizikalnya **bulat dan rendah**. Lengkapkan lukisan anda dengan garis leher, lengan, corak, warna dan hiasan. Anda juga diminta menghuraikan kesan dan contoh fabrik yang bertekstur kusam, kaku, licin, tebal dan kasar.

[20 markah]

- S2.** Mereka cipta stail pakaian merupakan langkah awal dalam pembuatan sesuatu pakaian atau merekacipta pakaian.

Bincangkan faktor-faktor yang perlu diberi perhatian semasa proses merekacipta stail pakaian tersebut.

[20 markah]

- S3.** Rekod Kerja bertujuan untuk menyusun sesuatu kerja secara lancar dan sistematik dalam pembuatan pakaian. Hasil kerja pembuatan pakaian dinilai mengikut kriteria tertentu. Proses penilaian ini adalah perlu untuk menetapkan tahap pencapaian mutu kerja yang dihasilkan.

Jelaskan bagaimana penilaian anda terhadap blaus/kemeja yang telah anda hasilkan

[20 markah]

SOALAN TAMAT